

KKTM komited lahir ramai pemimpin melalui kursus kepimpinan

UB 19-10-2018 B3

BAGI memupuk semangat sebagai pemimpin dalam kalangan mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS), pengurusan Kolej Kediaman Tun Mustapha menganjurkan Kursus Kepimpinan untuk Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) bagi tahun 2018.

Tujuan kursus dilaksanakan awal adalah mendidik ahli Jakmas mengetahui peranan sebenar menjadi pemimpin pelajar.

Selain itu, kursus juga mendedahkan prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan cara pengurusan program yang berkesan serta kursus itu membincangkan program-program kebajikan yang memberi impak tinggi kepada universiti.

Menurut Pengetua Kolej


Kediaman Tun Mustapha KOL (PA) Dr Mohamad Nizam Nazarudin, ahli Jakmas perlu bersifat lebih fleksible dalam menjana program-program bersifat kemasyarakatan dan kepimpinan.

“Saya berharap Jakmas lebih menumpukan kepada program-program bersifat kemasyarakatan, kepimpinan dan latihan sendiri, motivasi dan akademik, ilmiah dan kerjaya serta kreativiti dan inovasi untuk penghuni kolej.”

“Semua ini digerakkan melalui program-program yang telah dirancang dan akan dilaksanakan oleh keseluruhan penghuni kolej sama ada oleh para exco, senior, junior mahupun Alumni KKTM,” katanya.

Jelasnya, kursus kepimpinan itu akan membuatkan pelajar mempunyai satu tanggungjawab yang besar untuk dipikul dan pengalaman sebagai pemimpin boleh digunakan pada masa akan datang.

“Dasar keterbukaan dan kekeluargaan yang diamalkan oleh Jakmas diharapkan mampu menarik mahasiswa/i



PEMBENTANGAN Kumpulan dalam kursus kepimpinan KKTM 2.

dari pelbagai latar belakang untuk turut serta dalam mencurahkan bakti dan tenaga mereka dalam program-program yang dirancangan.

“Kursus kepimpinan pengurusan ini membantu keteguhan sesuatu organisasi dan bergantung kepada komitmen setiap ahli dan rasa tanggungjawab yang diamanahkan.

“Oleh itu, kursus ini diadakan untuk mengajar mahasiswa mahasiswi bagaimana melaksanakan sesuatu program, tanggungjawab berorganisasi dan sebagainya agar

dapat dijadikan pegangan dan ikutan dalam meningkatkan jati diri di samping menjaga nama baik nama kolej seterusnya universiti,” jelasnya.

Melalui kursus sedemikian tambahnya, diharapkan hubungan mahasiswa dapat disepadukan dan seterusnya membentuk keperibadian mahasiswa yang mantap.

Kursus itu melibatkan seramai 30 orang yang terdiri daripada ahli Jakmas, Felo, Timbalan Pengetua dan Pengetua KKTM.

Sementara itu, peserta kursus Nur Fatiha Ahmad Yusop Idup berkata program itu dapat mendedahkan dirinya berkaitan kerja kepimpinan dengan lebih mendalam selain mampu melatih peserta untuk berkomunikasi dengan lebih baik dengan masyarakat dan mahasiswa.

Baginya, seorang pemimpin itu bukan hanya dapat menyumbang daripada segi tenaga tetapi mereka juga boleh menggunakan apa sahaja kaedah yang ada untuk menjadi pemimpin yang berjaya.



ANTARA peserta Kursus Kepimpinan KKTM 3.